



Perniagaan Diingatkan Untuk Tidak Menjual Topeng Muka Melebihi Harga Siling

APRIL 22, 2020

SIBU: Pemilik perniagaan diingatkan untuk tidak menaikkan harga topeng muka dan barang keperluan lain melebihi harga siling.

Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) SibU Kelyn Bolhassan seperti dilapor The Borneo Post berkata pihaknya telah menerima 27 aduan mengenai harga topeng muka, pembersih tangan dan barang keperluan lain, sejak bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Katanya lagi, pemilik perniagaan hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan tindakan tegas akan diambil sekiranya terdapat pihak yang didapati menaikkan harga barang dan menjual dengan harga tidak berpatutan.

Selain daripada aduan ketidakpatuhan harga dalam tempoh PKP, KPDNHEP juga telah menerima 45 aduan yang serupa sejak awal tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 72.

Daripada 72 kes tersebut, katanya, KPDNHEP telah mengambil tindakan kepada 47 kes, termasuk tiga semasa PKP, dengan jumlah rampasan bernilai RM111,047.49.

Menurut Kelyn, harga siling untuk topeng muka adalah RM1.50 sehelai, atau RM75 sekotak.

Di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, pemilik perniagaan yang tidak mematuhi undang-undang boleh dikenakan denda hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya, atau kompaun sehingga RM50,000.

Sementara itu, syarikat yang didapati melakukan kesalahan itu akan dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau kompaun sebanyak RM250,000.

Orang ramai boleh menyalurkan aduan ke KPDNHEP Sibu melalui 084-335622, melalui WhatsApp (019-2794317), atau berkunjung ke pejabat di tingkat pertama Wisma Persekutuan.

Aduan juga boleh dibuat menggunakan aplikasi telefon bimbit 'Ez ADU', atau melalui e-aduan@kpdnhep.gov.my.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOLEKTRAL PERDAGANGAN

HARGA MAKSIMUM BORONG DAN RUNCIT BAGI TOPENG MUKA

1	Topeng Muka (Pembedahan/Perubatan)
1 Lapisan (Gelung Telinga)	
BORONG : RM 5.00 sekotak	
RUNCIT : RM 7.00 sekotak (RM 0.15 seunit)	

2	Topeng Muka (Pembedahan/Perubatan)
2 Lapisan (Gelung Telinga)	
BORONG : RM 8.00 sekotak	
RUNCIT : RM 10.00 sekotak (RM 0.20 seunit)	

3	Topeng Muka (Pembedahan/Perubatan)
3 Lapisan (Gelung Telinga / Gelung Kepala / Ikatan Kepala)	
BORONG (50 unit) : RM 75.00 sekotak (RM 1.50 seunit)	
RUNCIT : RM 100.00 sekotak (RM 2.00 seunit)	

4	Topeng Muka (Pembedahan/Perubatan)
N95	
BORONG : RM 100.00 sekotak	
RUNCIT : RM 6.00 seunit	

@mykpdnhep

https://tvsarawak.com/perniagaan-diingatkan-untuk-tidak-menjual-topeng-muka-melebihi-harga-siling/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=perniagaan-diingatkan-untuk-tidak-menjual-topeng-muka-melebihi-harga-siling